

## Bangunan 'senget' berkonsepkan 'Yin dan Yang'

Seraya MIA, Astro AWANI | 1 Januari 16, 2020 17:41 MYT



Hud Bakar, penila 8 Conlay dari RSP Architects Kuala Lumpur di sisiang media serta pameran pengalaman 8 Conlay, Bulit Bintang - Astro AWANI/Seraya MIA

KUALA LUMPUR: Pembinaan dua daripada tiga bangunan 8 Conlay di ibu negara yang condong dan seakan-akan menyerupai bangunan 'berpelukan', adalah berkonsepkan 'Yin dan Yang', lalu kesimbangan dalam kehidupan, menurut mereka bangunan itu, Hud Bakar dari RSP Architects Kuala Lumpur.

Katanya, bangunan itu dibina menggunakan teknologi perisian komputer yang canggih bagi menjamin keunikan setiap tingkat pada bangunan kediaman berservis tersebut, tanpa mengabaikan faktor keselamatan.

"Sebagai arkitek, kami harus berfikir lebih mendalam apabila ingin mereka bentuk sebuah bangunan yang condong seperti ini kerana ia tidak senang, setiap satu lantai mempunyai ofset atau perbezaannya tersendiri."

"Menstruktur bangunan ini juga memerlukan pengiraan yang teliti kerana ia bukan seperti bangunan lurus yang lain dan mempunyai daya yang berbeza pada setiap tingkat," katanya ketika ditemui Astro AWANI di satu sidang media di Kuala Lumpur, pada Kamis.



Sementara itu, Hud berkata bangunan kediaman berservis, bersilang dan berkembar tertinggi dunia itu direka sedemikian sejak dari awal, sekali gus menjamin keselamatan dan kesihatan semua.

Menurutnya lagi, penularan bangunan "senget" dianggap sebagai sesuatu yang positif di mana ia dapat membuka mata rakyat Malaysia terhadap intipati industri reka bentuk dan arkitek.



Bangunan kediaman berservis, berkembar dan bersilang terlajang dunia oleh Kempinski dijangka sap akhir tahun ini.

Disember lalu, sebuah bangunan tinggi di tengah-tengah Kuala Lumpur tular di media sosial kerana bimbang akan tumbang dan menyebabkan kesesakan lalu lintas.



Kini, pembinaan bangunan tersebut sudah mencapai tingkat ke 30 dan dijangka sap akhir tahun ini.

BACA: [Bertenang... Bangunan 'senget' di tengah KL memang hebat, tidak akan tumbang](#)

Dapatkan berita kami melalui emel anda

Emel Anda

Hantar

Tags: Kuala Lumpur, Astro AWANI, Malaysia, Media, relay Malaysia, kesihatan, media sosial, Tular, Bangunan, Bangunan senget, KSL Land, YOQE, 8 Conlay

### Komen Anda


\*Klik pada "Sort by" untuk kemasukan komen

#### PERAMPAN

Astro AWANI tidak bertanggungjawab terhadap pendapat yang diutarakan melalui artikel ini, la pandangan peribadi pemilik akaun dan tidak semestinya menggambarkan pendirian kami. Segala risiko akibat komen yang disarikan menjadi tanggungjawab pemilik akaun sendiri. Terima kasih.

#PILIHAN  
#Sajut #KoronaVirus  
#Rosmah Mansor #HajibBarak

BERITA BERKAITAN VIDEO BERKAITAN



TERKINI POPULAR

1 DUNIA Bill Gates pernah 'ramal' wabak seakar koronavirus dalam siri TV tahun lalu

2 MALAYSIA HUSM jadi tumpuan rawatan kanser

3 MALAYSIA Ketum bukan penyelesaian penyakit kencing manis, darah tinggi

4 MALAYSIA Duga keluaran kereta Mercedes, suami usahawan kosmetik didenda RM800

5 MALAYSIA Pembantu pengutus kuasa JPJ didakwa terima sumpan hampir RM8,000

6 MALAYSIA Penganggur dicecup kes pecah rumah, curi kenderaan

7 POLITIK Muafakat Nasional perlu yakin kemampuan MIC

8 MALAYSIA Ibu bersama ORU rentung, rumah terbakar di Matu